

KEPELBAGAIAN MEKANISME PEMBERIAN HARTA DALAM ISLAM: ANALISIS TERHADAP PERANANNYA DALAM MEREALISASIKAN MAQASID SYARIAH

THE DIVERSITY OF WEALTH DISTRIBUTION MECHANISMS IN ISLAM: AN ANALYSIS OF THEIR ROLE IN REALIZING MAQASID AL-SHARIAH

Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria¹
Muhammad Uwais Aqili Mohd Zain²
Suraini Saufi^{3*}

¹ Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia. (E-mail: dr.ramizu@kias.edu.my)

² Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia. (E-mail: uwais@kias.edu.my)

³ Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia. (E-mail: suraini@kias.edu.my)

*Corresponding author: Suraini Saufi (E-mail: suraini@kias.edu.my)

Article history

Received date : 12-9-2025

Revised date : 13-9-2025

Accepted date : 5-10-2025

Published date : 13-11-2025

To cite this document:

Abdullah @ Zakaria, M. R., Mohd Zain, M. U. A., & Saufi, S. (2025). Kepelbagaian mekanisme pemberian harta dalam Islam: Analisis terhadap peranannya dalam merealisasikan maqasid syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (78), 440 – 454.

Abstrak: Islam menggariskan pelbagai mekanisme pemberian harta seperti zakat, infaq, sedekah, wakaf, hibah, wasiat, fidyah, kafarah, dan qard hasan bagi memastikan keseimbangan sosial dan ekonomi umat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepelbagaian mekanisme tersebut serta menilai peranannya dalam merealisasikan maqasid syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Pendekatan kualitatif digunakan dengan meneliti sumber utama dan sekunder bagi memahami hubungan antara mekanisme pemberian harta dan maqasid syariah. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap mekanisme ini memainkan peranan tersendiri dalam memastikan pengagihan kekayaan yang adil serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Selain itu, kajian ini turut menyoroti cabaran dalam mengamalkan mekanisme pemberian harta serta mencadangkan langkah-langkah untuk mengoptimumkan penggunaannya dalam konteks semasa. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami konsep pemberian harta dalam Islam serta peranannya dalam membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan sejahtera.

Kata Kunci: Pemberian harta, zakat, wakaf, hibah, maqasid syariah.

Abstract: Islam outlines various mechanisms of wealth distribution such as zakat, infaq, sadaqah, waqf, hibah, wasiyyah, fidyah, kaffarah, and qard hasan to ensure social and economic balance among the ummah. This study aims to analyze the diversity of these

mechanisms and to assess their role in realizing the objectives of maqasid al-shariah, particularly in the preservation of religion, life, intellect, lineage, and wealth. A qualitative approach was employed by examining primary and secondary sources to understand the relationship between wealth distribution mechanisms and maqasid al-shariah. The findings reveal that each mechanism plays a unique role in ensuring fair wealth distribution and enhancing societal well-being. In addition, the study highlights the challenges in practicing these mechanisms and proposes measures to optimize their application in the contemporary context. This research provides a significant contribution to understanding the concept of wealth distribution in Islam and its role in shaping a more inclusive and prosperous society.

Keywords: *Wealth distribution, zakat, waqf, hibah, maqasid al-shariah*

Pengenalan

Harta dalam Islam bukan hanya sekadar simbol kekayaan material, tetapi juga merupakan satu bentuk amanah yang harus diurus dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat. Islam bukan sekadar mengiktiraf pemilikan harta secara peribadi, tetapi juga menetapkan mekanisme yang jelas dalam pengagihan dan penggunaannya supaya kekayaan tidak tertumpu dalam kalangan golongan tertentu sahaja. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT.

مَا أَقَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Terjemahan: "Apa sahaja harta rampasan (fa'i) yang dikurniakan oleh Allah kepada Rasul-Nya (daripada harta penduduk negeri-negeri yang menyerah kalah tanpa peperangan), maka adalah ia untuk Allah, Rasul-Nya, kaum kerabat (Rasulullah), anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan, supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya di kalangan kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah, dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah; sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya."

(Surah Al-Hasyr: 7)

Oleh itu, konsep keadilan dalam pengagihan harta menjadi tunjang dalam ekonomi Islam, dengan pelbagai mekanisme pemberian harta yang bertujuan untuk mencapai keseimbangan sosial dan kestabilan ekonomi. (Al-Qaradawi, 2000).

Dalam konteks maqasid syariah, pengagihan harta yang sistematik memainkan peranan penting dalam memelihara lima aspek utama, iaitu agama (ḥifẓ al-dīn), nyawa (ḥifẓ al-nafs), akal (ḥifẓ al-'aql), keturunan (ḥifẓ al-nasl), dan harta (ḥifẓ al-māl) (Al-Ghazali, 1997). Sebagai contoh, zakat bukan hanya sekadar satu kewajipan bagi umat Islam, tetapi berfungsi sebagai alat untuk mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan sosial (Al-Zuhayli, 2006). Begitu juga dengan wakaf yang menyediakan sumber kewangan berterusan bagi sektor pendidikan, kesihatan, dan pembangunan masyarakat. Selain itu, instrumen lain seperti hibah, wasiat, infaq, sedekah, fidyah, kafarah, dan qard hasan turut memberikan manfaat kepada golongan yang memerlukan serta membantu dalam memperkukuhkan ekonomi ummah.

Mekanisme pemberian harta dalam Islam juga menggalakkan sikap dermawan dan kebersamaan dalam masyarakat. Dalam sebuah masyarakat yang mengamalkan pengagihan harta secara adil, jurang sosial dapat dikurangkan, dan kestabilan ekonomi dapat dipelihara. Namun, pelaksanaan mekanisme ini dalam era moden menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kurangnya kesedaran dalam kalangan umat Islam, isu birokrasi dalam pengurusan institusi berkaitan, serta perubahan ekonomi global yang menuntut pendekatan yang lebih dinamik dan strategik. (Ibn Qudamah, 1992).

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan pelbagai instrumen pemberian harta dalam Islam serta bagaimana mekanisme ini dapat dioptimumkan untuk merealisasikan maqasid syariah. Dengan memahami dan mengaplikasikan konsep ini secara efektif, umat Islam dapat memastikan harta yang dimiliki bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan, selaras dengan prinsip keadilan dan kesejahteraan dalam Islam.

Pernyataan Masalah

Kajian mengenai mekanisme pemberian harta dalam Islam mendapati bahawa meskipun pelbagai instrumen telah diperkenalkan, masih terdapat cabaran dalam pelaksanaannya yang menyebabkan manfaatnya kurang dioptimumkan. Salah satu isu utama ialah kurangnya kesedaran dan pemahaman dalam kalangan individu, di mana kebanyakan umat Islam lebih menumpukan kepada zakat sebagai satu-satunya bentuk pengagihan kekayaan, tanpa memahami peranan instrumen lain seperti hibah dan wakaf yang turut berpotensi besar dalam meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi (Mohd, Yaacob, & Salleh, 2021).

Selain itu, institusi yang menguruskan pemberian harta sering kali berhadapan dengan kelemahan dalam sistem pengurusan aset serta perundangan yang kompleks, terutama dalam hal berkaitan pentadbiran wakaf dan hibah, yang boleh menghalang keberkesanan pelaksanaannya (Ishak, Halim, & Rahman, 2019). Ketiadaan garis panduan yang jelas serta birokrasi yang panjang juga menyebabkan aset wakaf dan hibah tidak dapat dimanfaatkan secara optimum untuk manfaat masyarakat yang memerlukan (Rahman & Ismail, 2022).

Tambahan pula, ketidakseimbangan dalam aplikasi mekanisme pemberian harta ini turut memberi kesan terhadap objektif pengagihan kekayaan dalam Islam, di mana zakat lebih mendapat perhatian berbanding instrumen lain seperti hibah dan wakaf yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi jangka panjang (Ahmad & Hassan, 2020). Oleh itu, kajian ini meneliti secara mendalam kepelbagaian mekanisme pemberian harta dalam Islam dengan tujuan menilai keberkesanannya dalam mencapai maqāsid al-sharī'ah, khususnya dalam aspek keadilan sosial, pembangunan ekonomi, dan kesejahteraan umat. Dengan memperkukuhkan kesedaran masyarakat, memperbaiki sistem pengurusan aset, serta menyeimbangkan aplikasi setiap mekanisme pemberian harta, instrumen-instrumen ini dapat berfungsi secara lebih efektif dalam merealisasikan prinsip keadilan dan kesejahteraan yang dianjurkan oleh Islam (Mohd et al., 2021).

Kajian mengenai mekanisme pemberian harta dalam Islam di Malaysia masih menunjukkan jurang akademik yang ketara. Sebahagian besar penyelidikan dan laporan institusi lebih menumpukan kepada aspek kutipan serta agihan zakat dan pembangunan aset wakaf, berbanding instrumen lain seperti hibah, fidyah dan qard al-hasan. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor melaporkan kutipan tertinggi dalam sejarahnya iaitu sebanyak RM1.22 bilion pada tahun 2024 (Lembaga Zakat Selangor, 2024), manakala Majlis Agama Islam dan Adat

Melayu Perak turut mencatatkan peningkatan kutipan kepada RM253 juta pada tahun 2024 (MAIPk, 2024). Dari sudut wakaf, laporan rasmi menunjukkan jumlah tanah wakaf yang dibangunkan melebihi 18,000 hektar di seluruh negara, menggambarkan kepentingan strategiknya sebagai aset sosial-ekonomi (JAWHAR, 2023).

Walau bagaimanapun, hibah, fidyah dan qard al-hasan masih kurang diberikan perhatian dari sudut kajian empirikal dan analisis polisi. Literatur sedia ada mengenai hibah misalnya, lebih tertumpu kepada isu perundangan, prosedur pentadbiran, atau kajian kes tertentu, tetapi tidak menghubungkan secara langsung dengan pencapaian maqasid al-shariah (Syahraini Tambak & Sukenti, 2021). Begitu juga, instrumen fidyah dan qard al-hasan sering disebut sebagai mekanisme sokongan kebajikan, namun belum dikaji secara mendalam dari sudut keberkesanan dalam mencapai matlamat syariah seperti pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Dusuki, 2018).

Tambahan pula, pada peringkat global, kutipan zakat formal hanya dianggarkan sekitar USD15 bilion setahun, jauh lebih kecil daripada potensi teorinya, menandakan terdapat ruang besar untuk pengoptimuman instrumen alternatif dalam pengagihan kekayaan umat Islam (World Bank, 2022). Jurang ini menunjukkan keperluan penyelidikan yang lebih komprehensif untuk menilai bagaimana kepelbagaian mekanisme pemberian harta Islam boleh diselaraskan bagi menyumbang kepada kesejahteraan sosial, pengurangan kemiskinan, dan keadilan redistributif, selaras dengan kerangka maqasid al-shariah.

Sorotan kajian

Kajian terkini menunjukkan perkembangan positif dalam bidang wakaf digital, aplikasi blockchain dalam zakat, dan inovasi hibah, namun masih terdapat jurang yang perlu diteliti secara kritikal. Sebagai contoh, Khairi, Ahmad, Laili, Sabri dan Shaari (2022) membangunkan sistem demo backend menggunakan kontrak pintar untuk kutipan zakat di MAIWP-PPZ berasaskan platform blockchain Hyperledger. Kajian ini membuktikan potensi dari segi kecekapan dan ketelusan, tetapi masih terhad kepada peringkat prototaip dan tidak menilai keberkesanan dalam konteks maqasid syariah. Dalam konteks yang sama, Nazeri dan Mohd Nor (2023) menekankan bahawa pelaksanaan blockchain dalam sistem zakat perlu dilihat bukan sahaja dari aspek teknologi, tetapi juga isu perundangan, kebolehpercayaan masyarakat dan integrasi dengan amil tradisional. Selain itu, Jalal dan Ahmad Sufian Che Abdullah (2023) meneliti cabaran pengumpulan zakat atas aset digital di Kuala Lumpur, Selangor dan Perlis, dan mendapati bahawa kefahaman awam yang rendah serta ketiadaan garis panduan syariah yang seragam menjadi penghalang utama kepada kutipan berkesan. Dalam bidang wakaf, Zaki, Mushtaq, Hamdard dan Mahvish (2022) mencadangkan model pengurusan wakaf tunai berasaskan fintech untuk meningkatkan keterangkuman kewangan dan kebajikan masyarakat, namun penilaian empirikal tentang kesannya masih belum menyeluruh.

Bagi hibah pula, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Faezy Adenan dan Shofiyyah Moidin (2023) menganalisis aspek perundangan hibah amanah dalam industri kewangan Islam di Malaysia, dengan menyorot isu enforceability dan perlindungan benefisiari. Secara keseluruhan, meskipun kajian terkini menekankan potensi inovasi teknologi dan instrumen baharu dalam zakat, wakaf, dan hibah, kebanyakannya masih berbentuk konseptual atau prototaip, dengan bukti empirikal tentang pencapaian maqasid syariah yang masih terhad.

Kajian ini memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kefahaman dan pelaksanaan mekanisme pemberian harta dalam Islam, khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi dan

sosial. Mekanisme seperti zakat, hibah, dan wakaf bukan sahaja bertindak sebagai alat pengagihan kekayaan tetapi juga sebagai instrumen yang dapat memperkasakan kesejahteraan masyarakat secara berterusan (Mohd, Yaacob, & Salleh, 2021). Oleh itu, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan utama:

Menambah Pemahaman

Kajian ini akan membantu individu dan institusi memahami peranan serta kepentingan setiap mekanisme pemberian harta dalam Islam. Ramai dalam kalangan masyarakat hanya menumpukan kepada zakat sebagai satu-satunya bentuk pemberian harta, sedangkan hibah dan wakaf juga boleh berfungsi sebagai instrumen pengagihan kekayaan yang berkesan (Ahmad & Hassan, 2020). Dengan meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap kepelbagaian mekanisme ini, masyarakat akan lebih cenderung untuk memanfaatkannya secara menyeluruh bagi memastikan harta diagihkan dengan lebih adil dan produktif.

Mengukuhkan Institusi Islam

Institusi seperti pusat zakat, badan wakaf, dan institusi kewangan Islam sering menghadapi cabaran dalam pengurusan dan pentadbiran aset yang diberikan oleh individu serta organisasi. Kajian ini memberikan cadangan konkrit bagi menambah baik sistem pengurusan mekanisme pemberian harta agar lebih sistematik dan berkesan (Ishak, Halim, & Rahman, 2019). Dengan adanya dasar yang lebih kukuh dan kaedah pengurusan yang lebih efisien, institusi-institusi ini boleh berfungsi dengan lebih baik dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat, sekali gus memastikan objektif maqāṣid al-sharī'ah dapat dicapai.

Menyokong Matlamat Maqasid Syariah

Salah satu objektif utama maqāṣid al-sharī'ah adalah memastikan kesejahteraan masyarakat melalui keadilan sosial dan pengagihan harta yang seimbang. Dengan meneliti dan menilai bagaimana setiap mekanisme pemberian harta berfungsi, kajian ini dapat membantu memperbaiki dan mengoptimalkan pelaksanaannya bagi memastikan manfaat yang lebih besar kepada masyarakat, terutamanya golongan asnaf dan mereka yang memerlukan (Rahman & Ismail, 2022). Selain itu, dengan memperkukuhkan pengurusan aset Islam seperti wakaf dan hibah, kesejahteraan ekonomi masyarakat dapat dipertingkatkan melalui pembangunan institusi yang mampan dan lestari (Ahmad & Hassan, 2020).

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja memberi sumbangan terhadap kefahaman masyarakat mengenai mekanisme pemberian harta dalam Islam tetapi juga membantu membentuk dasar dan amalan yang lebih cekap dalam institusi berkaitan. Dengan itu, pengagihan kekayaan dapat dilakukan dengan lebih adil dan efektif, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial yang selari dengan maqāṣid al-sharī'ah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia bertujuan untuk memahami secara mendalam konsep, prinsip, dan pelaksanaan mekanisme pemberian harta dalam Islam serta hubungannya dengan maqasid syariah. Pendekatan ini dipilih bagi menganalisis bagaimana setiap mekanisme seperti zakat, hibah, dan wakaf berperanan dalam mencapai kesejahteraan sosial dan ekonomi dalam masyarakat Islam. Kaedah kualitatif sesuai digunakan apabila penyelidik ingin meneliti isu yang kompleks dengan menekankan makna dan tafsiran yang lahir daripada teks dan dokumen (Creswell, 2018).

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai kaedah utama dalam mengumpulkan dan menganalisis data. Analisis dokumen melibatkan kajian terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan mekanisme pemberian harta dalam Islam, termasuk kitab-kitab fiqh, jurnal akademik, laporan institusi Islam, serta dokumen rasmi berkaitan perundangan Islam dan pengurusan harta (Ahmad & Hassan, 2020). Pemilihan dokumen dibuat secara sistematik berdasarkan lima kriteria: (i) relevansi topik, iaitu hanya dokumen berkaitan zakat, wakaf, hibah, fidyah, dan qard al-hasan yang dikaitkan dengan maqasid syariah; (ii) tempoh masa, dengan memberi penekanan pada dokumen terkini (2018–2024) untuk memastikan kesegaran maklumat, disamping rujukan klasik untuk asas teori; (iii) sumber autoritatif, seperti kitab turath, artikel jurnal berindeks, laporan rasmi institusi Islam, dan dokumen undang-undang; (iv) konteks Malaysia dan antarabangsa, iaitu keutamaan pada kajian Malaysia tetapi tidak menolak rujukan luar negara untuk perbandingan kritikal; dan (v) kredibiliti penerbitan, hanya sumber berwasit atau rasmi digunakan, manakala blog atau dokumen tidak sahah diketepikan (Bowen, 2009). Data dalam kajian ini diperoleh daripada dua kategori utama:

1. Sumber Primer – merangkumi teks-teks utama dalam Islam seperti al-Quran dan hadis, serta pandangan fuqaha mengenai konsep dan prinsip pemberian harta dalam Islam.
2. Sumber Sekunder – terdiri daripada jurnal akademik, buku ilmiah, laporan institusi berkaitan zakat, hibah, dan wakaf, serta kajian terdahulu yang berkaitan dengan pengagihan kekayaan dan maqasid syariah (Ishak et al., 2019).

Data dalam kajian ini dikumpulkan melalui dua kaedah utama. Pertama ialah kajian literatur, yang melibatkan analisis bahan ilmiah seperti buku, jurnal akademik, artikel penyelidikan, dan tesis berkaitan dengan konsep pemberian harta dalam Islam serta maqasid syariah. Melalui kajian literatur, gambaran menyeluruh dapat diperoleh mengenai prinsip, pelaksanaan, serta cabaran dalam pengagihan harta melalui instrumen seperti zakat, hibah, dan wakaf (Mohd et al., 2021). Kajian ini juga menilai teori dan pendekatan yang digunakan oleh sarjana Islam terdahulu dalam memahami bagaimana setiap mekanisme pemberian harta dapat dioptimumkan untuk kesejahteraan masyarakat.

Kedua ialah kajian dokumentasi, yang melibatkan analisis terhadap dokumen rasmi seperti undang-undang dan garis panduan berkaitan pengurusan zakat, hibah, dan wakaf. Sumber utama termasuk perundangan Islam di Malaysia seperti Enakmen Wakaf Negeri, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam, dan laporan institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), pusat zakat, serta badan wakaf (Ishak et al., 2019). Kajian dokumentasi turut merangkumi fatwa-fatwa berkaitan serta garis panduan institusi Islam dalam pengurusan harta, yang dapat memberikan perspektif mengenai cabaran dan cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan mekanisme pemberian harta ini (Rahman & Ismail, 2022).

Bagi menilai dan mentafsir maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber tersebut, analisis kandungan digunakan sebagai teknik utama. Analisis kandungan dilakukan dengan mengenal pasti tema utama berkaitan mekanisme pemberian harta dalam Islam, mengkaji bagaimana konsep ini diaplikasikan dalam institusi Islam dan amalan masyarakat, serta menilai sejauh mana mekanisme ini menyumbang kepada pencapaian maqasid syariah, khususnya dalam aspek keadilan sosial dan pembangunan ekonomi (Rahman & Ismail, 2022).

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan daripada analisis yang dibuat boleh disimpulkan kepada beberapa perkara seperti di bawah:

Konsep Harta dan Kepentingan Pengagihannya dalam Islam

Dalam Islam, harta bukan sekadar milikan individu tetapi amanah yang perlu diurus dengan adil bagi memastikan kesejahteraan sosial dan ekonomi. Pengagihan harta bertujuan mengelakkan jurang sosial yang luas serta menegakkan keadilan ekonomi melalui mekanisme seperti zakat, hibah, wakaf, sedekah, dan infaq. Islam menegaskan bahawa harta bukan hanya untuk dinikmati oleh pemiliknya semata-mata, tetapi perlu dikongsi untuk manfaat masyarakat, sebagaimana firman Allah SWT:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

Maksudnya: *"Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)."*

(Az-Zariyat, 51:19)

Ayat ini menegaskan bahawa dalam Islam, setiap individu yang memiliki harta mempunyai tanggungjawab sosial untuk berkongsi rezeki mereka dengan golongan yang memerlukan, sama ada melalui zakat, hibah, wakaf, atau sedekah, bagi memastikan kesejahteraan masyarakat dan keadilan ekonomi.

Pengurusan harta yang sistematik bukan sahaja memperkukuhkan institusi Islam seperti pusat zakat dan badan wakaf, tetapi juga menyumbang kepada maqasid syariah dengan memastikan keadilan sosial dan kestabilan ekonomi. Oleh itu, mekanisme pemberian harta yang berkesan dapat membantu mengurangkan kemiskinan, menggalakkan tanggungjawab kolektif, serta membangunkan sektor penting seperti pendidikan dan kesihatan, seterusnya menjamin kesejahteraan ummah secara menyeluruh (Mohamed et al., 2022).

Mekanisme Pemberian Harta dan Kaitannya dengan Maqasid Syariah

Analisis kajian ini mendapati bahawa setiap mekanisme pemberian harta dalam Islam seperti zakat, infaq, sedekah, wakaf, hibah, wasiat, fidyah, kafarah, dan qard hasan mempunyai peranan yang signifikan dalam merealisasikan maqasid syariah. Mekanisme-mekanisme ini bukan sahaja berfungsi sebagai instrumen pengagihan kekayaan, tetapi turut menyumbang kepada pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Melalui pendekatan yang sistematik, pemberian harta ini dapat mengurangkan jurang sosioekonomi, memperkukuh solidariti masyarakat, dan memastikan kelestarian kesejahteraan umat. Justeru, hubungan antara mekanisme pemberian harta dan maqasid syariah boleh dirumuskan sebagaimana dalam Jadual 1.

Jadual 1: Mekanisme Pemberian Harta dan Kaitannya dengan Maqasid Syariah

MEKANISME	DEFINISI	MAQASID SYARIAH YANG DICAPAI
Zakat	Pemberian harta yang diwajibkan kepada golongan asnaf tertentu seperti fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, orang berhutang, fisabilillah, dan ibnu sabil. Zakat dikenakan ke atas harta tertentu seperti emas, perniagaan, pertanian, dan pendapatan setelah memenuhi nisab dan haul.	Hifz al-māl – menyucikan harta dan mengelakkan penimbunan kekayaan; Hifz al-nafs – membantu kelangsungan hidup asnaf; Hifz al-dīn – menyempurnakan rukun Islam.

MEKANISME	DEFINISI	MAQASID SYARIAH YANG DICAPAI
Infaq & Sedekah	Pemberian harta secara sukarela kepada individu atau organisasi untuk tujuan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat, tanpa mengharapkan balasan. Ia boleh berbentuk sumbangan kewangan, barangan, atau perkhidmatan.	Hifz al-nafs – menyokong kehidupan golongan miskin dan memerlukan; Hifz al-māl – membentuk sifat dermawan dan menyucikan jiwa.
Wakaf	Penyerahan harta secara kekal untuk manfaat umum, di mana manfaatnya digunakan untuk kepentingan masyarakat seperti pembangunan masjid, sekolah, hospital, dan pusat kebajikan.	Hifz al-dīn – menyokong institusi agama; Hifz al-‘aql – menyumbang kepada pendidikan; Hifz al-nafs – memberi manfaat kesihatan dan kebajikan; Hifz al-māl – memastikan pemeliharaan dan kesinambungan manfaat harta.
Hibah	Pemberian harta secara sukarela kepada individu tertentu semasa hidup tanpa sebarang balasan. Hibah sering digunakan untuk mengelakkan perebutan harta selepas kematian pemilik harta.	Hifz al-māl – pemindahan hak milik yang sah tanpa sengketa; Hifz al-nasl – memelihara keharmonian keluarga dan mengelakkan pertikaian warisan.
Wasiat	Arahan pemilik harta untuk pembahagian harta selepas kematiannya, di mana sehingga satu pertiga daripada harta boleh diwasiatkan kepada individu bukan waris atau tujuan kebajikan.	Hifz al-māl – perancangan harta selepas kematian; Hifz al-nasl – mengelakkan perebutan harta pusaka; Hifz al-dīn – menunaikan amanah si mati.
Qard Hasan	Pinjaman tanpa riba yang diberikan kepada individu atau organisasi dengan niat membantu tanpa mengenakan faedah atau keuntungan. Peminjam hanya perlu membayar jumlah yang dipinjam tanpa tambahan.	Hifz al-māl – membina ekonomi tanpa riba; Hifz al-nafs – membantu keperluan kewangan mendesak tanpa membebankan peminjam.
Fidyah & Kafarah	Bayaran atau sumbangan harta yang dikenakan sebagai tebusan bagi kesalahan dalam ibadah seperti puasa yang tidak dapat dilaksanakan atau melanggar sumpah tertentu dalam syariat Islam.	Hifz al-dīn – menebus pelanggaran syarak dan meningkatkan kesedaran tanggungjawab beragama; Hifz al-nafs – memberi manfaat langsung kepada golongan miskin yang menerima.

Hikmah Kepelbagaian Mekanisme Pemberian Harta dalam Islam

Islam telah menetapkan pelbagai mekanisme pemberian harta untuk memastikan keseimbangan sosial, keadilan ekonomi, dan pembangunan ummah. Kepelbagaian ini bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi keperluan individu yang berlainan tetapi juga untuk membentuk masyarakat

yang lebih inklusif dan bertanggungjawab. Hikmah di sebalik mekanisme ini dapat dilihat melalui beberapa aspek utama seperti berikut:

Memastikan Pengagihan Kekayaan yang Adil

Islam menegaskan bahawa kekayaan tidak boleh dimonopoli oleh golongan tertentu sahaja, sebaliknya ia perlu diagihkan agar manfaatnya dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat. Prinsip ini selari dengan firman Allah SWT dalam Al-Quran:

“...supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu...”

(Surah Al-Hashr: 7)

Dalam konteks ini, zakat memastikan golongan asnaf seperti fakir, miskin, dan muallaf mendapat bantuan secara sistematik melalui pengagihan harta yang diwajibkan ke atas individu yang mampu (Saufi, Tuan Noor, et al., 2021). Wakaf pula berperanan dalam menyediakan sumber kekayaan yang berterusan untuk kepentingan awam, seperti pembinaan sekolah, hospital, dan masjid (Nuradi et al., 2024). Selain itu, sedekah dan infaq memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk menyumbang mengikut kemampuan masing-masing tanpa had tertentu. Dengan adanya mekanisme ini, Islam memastikan kekayaan tidak hanya tertumpu kepada golongan kaya, tetapi turut memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

Memenuhi Keperluan Berbeza dalam Masyarakat

Setiap individu mempunyai tahap keperluan yang berbeza, dan Islam menyediakan mekanisme pemberian harta yang fleksibel untuk memenuhi keperluan tersebut. Bantuan jangka pendek, seperti sedekah, fidyah, dan kafarah, bertujuan untuk membantu individu yang memerlukan secara segera, terutamanya dalam situasi kecemasan seperti bencana alam, kelaparan, atau hutang mendesak. Sementara itu, bantuan jangka panjang seperti wakaf dan hibah memberi manfaat kepada generasi akan datang, contohnya wakaf dalam bentuk tanah atau bangunan yang digunakan untuk pendidikan atau kesihatan. Selain itu, mekanisme seperti wasiat dan hibah membolehkan pengagihan harta kepada individu tertentu secara adil, mengelakkan perebutan harta pusaka, serta memastikan harta digunakan dengan sebaiknya. Dengan adanya mekanisme yang berbeza ini, Islam dapat memenuhi pelbagai keperluan individu tanpa mengabaikan aspek keadilan dan kebajikan.

Pertama, menggalakkan solidariti sosial dan keprihatinan. Pemberian harta dalam Islam bukan sekadar satu kewajipan individu tetapi juga satu bentuk tanggungjawab sosial yang mengukuhkan hubungan dalam masyarakat. Islam menekankan bahawa setiap Muslim mempunyai peranan dalam memastikan kesejahteraan bersama. Infaq dan sedekah mengajar umat Islam untuk bersikap prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik, membina budaya kasih sayang dan empati dalam masyarakat. Zakat dan fidyah mengingatkan umat Islam tentang kewajipan mereka terhadap golongan yang memerlukan, mengelakkan ketidakseimbangan sosial, dan memastikan keperluan asas semua individu dipenuhi. Wakaf, di sisi lain, berperanan dalam membangunkan institusi kebajikan berterusan seperti hospital, sekolah, dan masjid yang memberi manfaat kepada masyarakat sepanjang zaman. Dengan adanya mekanisme pemberian harta ini, masyarakat Islam dapat berkembang dalam suasana yang penuh dengan keprihatinan dan kesejahteraan.

Kedua, menjaga hak pemilik harta dan penerima dengan seimbang. Islam tidak menghalang seseorang daripada memiliki harta, tetapi ia menetapkan garis panduan agar pemilikan harta

tidak membawa kepada ketidakadilan atau penindasan terhadap orang lain. Hibah dan wasiat membolehkan seseorang merancang pengagihan hartanya secara adil, memastikan hak waris tidak terabai serta mengelakkan konflik perebutan harta selepas kematian pemilik. Qard hasan, iaitu pinjaman tanpa riba, memberi peluang kepada mereka yang memerlukan modal untuk menjalankan perniagaan atau memenuhi keperluan mendesak tanpa dikenakan faedah yang menindas. Kafarah, sebagai satu bentuk pembayaran tebusan untuk kesalahan dalam ibadah, memastikan bahawa pemilik harta dapat menebus kesilapan mereka sambil membantu golongan miskin. Dengan keseimbangan antara hak pemilik harta dan kepentingan penerima, Islam memastikan keadilan dalam pengurusan ekonomi dan sosial.

Ketiga, sebagai ujian dan sumber pahala bagi umat Islam. Allah SWT menjadikan harta sebagai ujian bagi manusia, untuk melihat sama ada mereka menggunakannya dengan cara yang diredhai atau sebaliknya. Hal ini ditegaskan dalam firman-Nya:

“Dan belanjakanlah (harta kamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan...”

(Surah Al-Baqarah: 195)

Bagi mereka yang memiliki kekayaan, harta adalah ujian untuk melihat sejauh mana mereka bersyukur dengan memberi dan membantu orang lain. Sebaliknya, bagi mereka yang menerima bantuan, mereka diuji dengan kesabaran dan kebijaksanaan dalam menggunakan harta tersebut. Dalam Islam, amalan pemberian harta seperti wakaf, hibah, dan infaq merupakan bentuk sedekah jariah, yang mana ganjarannya berterusan walaupun selepas kematian. Hadis Rasulullah SAW menyebut:

"Apabila mati seseorang insan, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah (wakaf), ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakannya."

(Riwayat Muslim, No. 1631)

Maka, kepelbagaian mekanisme pemberian harta dalam Islam bukan sahaja berperanan dalam menyeimbangkan ekonomi dan sosial, tetapi juga menjadi peluang bagi umat Islam untuk mendapatkan ganjaran pahala yang berterusan.

Cabaran dalam Mengamalkan Mekanisme Pemberian Harta

Walaupun Islam menyediakan sistem pemberian harta yang lengkap dan holistik, pelaksanaannya masih menghadapi pelbagai cabaran. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja berpunca daripada kekurangan kesedaran dalam kalangan masyarakat tetapi juga daripada kelemahan dalam pengurusan institusi dan keperluan reformasi dalam aspek perundangan. Jika tidak ditangani dengan baik, ia boleh menghalang objektif utama pemberian harta dalam Islam, iaitu untuk memastikan kesejahteraan masyarakat serta mencapai maqasid syariah. Berikut adalah beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan mekanisme pemberian harta Islam:

Pertama, kekurangan kesedaran Masyarakat. Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan mekanisme pemberian harta Islam adalah kekurangan kesedaran dalam kalangan umat Islam mengenai kepelbagaian instrumen yang tersedia. Ramai dalam kalangan masyarakat hanya memahami zakat sebagai satu-satunya cara pengagihan harta dalam Islam, sedangkan instrumen lain seperti wakaf, hibah, wasiat, dan infaq turut memainkan peranan penting dalam mengimbangi ekonomi dan kebajikan sosial. Sebagai contoh, wakaf sering disalah fahami

sebagai sekadar sumbangan tanah atau bangunan untuk tujuan ibadah, sedangkan ia juga boleh dimanfaatkan dalam sektor pendidikan, kesihatan, dan keusahawanan (Saufi, Mohamed, et al., 2021).

Tambahan pula, pendidikan dan kesedaran mengenai instrumen pemberian harta ini masih belum diterapkan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan Islam moden. Kurangnya program pendidikan yang menyentuh aspek ini menyebabkan masyarakat tidak memahami cara untuk mengoptimumkan harta mereka demi kepentingan ummah. Tanpa pengetahuan yang mencukupi, potensi wakaf dan hibah sebagai alat pemberdayaan ekonomi umat Islam tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya, sekali gus menyebabkan ketidakseimbangan dalam sistem pengagihan harta.

Kedua, pengurusan yang tidak sistematik. Selain kurangnya kesedaran, kelemahan dalam sistem pengurusan institusi pemberian harta juga menjadi cabaran besar. Banyak institusi yang menguruskan zakat, wakaf, dan hibah masih berhadapan dengan isu ketelusan dan kecekapan dalam pengagihan dana serta pengurusan aset. Terdapat laporan mengenai ketidaktelusan dalam pengagihan zakat, di mana dana tidak disalurkan kepada golongan asnaf yang benar-benar memerlukan atau terdapat kelewatan dalam penyampaian bantuan akibat kelemahan sistem pentadbiran (Mahmood et al., 2017).

Bagi wakaf pula, banyak harta yang diwakafkan tidak dapat dimanfaatkan secara produktif kerana isu pentadbiran yang lemah, kekurangan dana penyelenggaraan, serta birokrasi yang menyukarkan pengurusan aset wakaf. Sebagai contoh, terdapat banyak tanah wakaf yang terbengkalai atau tidak digunakan secara optimum kerana ketiadaan perancangan yang baik dalam pembangunan aset tersebut. Keadaan ini bukan sahaja merugikan ekonomi umat Islam tetapi juga menjejaskan potensi wakaf dalam menyumbang kepada pembangunan sosial seperti penyediaan pendidikan percuma dan perkhidmatan kesihatan untuk Masyarakat (Jusoh & Mat, 2024).

Ketiga, keperluan reformasi dalam perundangan Islam. Cabaran lain yang sering dihadapi dalam pelaksanaan mekanisme pemberian harta Islam ialah keperluan untuk menyesuaikan sistem perundangan dengan perkembangan semasa. Dalam sesetengah negara, peraturan mengenai hibah, wasiat, dan wakaf masih kabur dan tidak dikemas kini mengikut keperluan moden. Kekaburan dalam perundangan ini sering menyebabkan konflik dalam pembahagian harta, di mana waris atau pihak berkepentingan boleh mempertikaikan kesahihan hibah atau wasiat yang telah dibuat oleh pemilik harta sebelum kematiannya.

Selain itu, kemajuan teknologi moden seperti blockchain, smart contracts, dan digital banking masih belum digunakan secara meluas dalam pengurusan pemberian harta Islam. Teknologi ini sebenarnya boleh meningkatkan ketelusan dalam pengurusan zakat dan wakaf, memudahkan pemantauan aliran dana, serta mengurangkan risiko penyelewengan. Sebagai contoh, sistem blockchain boleh digunakan untuk merekod transaksi wakaf secara telus dan tidak boleh diubah, memastikan bahawa aset wakaf benar-benar dimanfaatkan untuk tujuan yang telah ditetapkan (Nuradi et al., 2024). Walau bagaimanapun, kekurangan kepakaran dan kerangka undang-undang yang menyokong penggunaan teknologi ini masih menjadi cabaran yang perlu diatasi.

Cadangan Penambahbaikan dalam Pelaksanaan Mekanisme Pemberian Harta Islam

Walaupun Islam telah menyediakan sistem pemberian harta yang lengkap dan menyeluruh, terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaannya. Oleh itu, beberapa langkah perlu diambil bagi memastikan sistem ini dapat berfungsi dengan lebih efektif dan memberi manfaat yang maksimum kepada masyarakat. Cadangan berikut merangkumi usaha meningkatkan kesedaran, memperkasakan pengurusan wakaf dan hibah, menggalakkan penggunaan instrumen moden, serta memperkenalkan reformasi undang-undang berkaitan pemberian harta dalam Islam.

Pertama, meningkatkan kesedaran melalui pendidikan kewangan Islam (Yakob et al., 2021). Kesedaran masyarakat mengenai mekanisme pemberian harta dalam Islam masih rendah, menyebabkan mereka tidak memanfaatkan instrumen seperti wakaf, hibah, dan wasiat secara optimum. Oleh itu, langkah pertama yang perlu diambil adalah meningkatkan pendidikan kewangan Islam melalui beberapa pendekatan. Kurikulum pendidikan harus diperluaskan dengan memasukkan topik berkaitan pengurusan harta Islam dalam sistem sekolah dan universiti, termasuk mata pelajaran fikah muamalat, ekonomi Islam, dan pengurusan harta pusaka. Selain itu, kempen kesedaran boleh dijalankan secara aktif oleh pihak berkuasa agama dan institusi kewangan Islam melalui seminar, bengkel, serta ceramah di masjid dan media elektronik. Platform digital juga perlu dimanfaatkan, seperti penggunaan media sosial, aplikasi mudah alih, dan portal kewangan Islam untuk menyebarkan maklumat yang mudah diakses mengenai zakat, wakaf, hibah, dan wasiat. Dengan pendekatan ini, masyarakat akan lebih celik mengenai kepelbagaian mekanisme pemberian harta dan kepentingannya dalam membina kesejahteraan ummah.

Kedua, memperkasakan pengurusan wakaf dan hibah. Wakaf dan hibah merupakan dua instrumen penting dalam sistem ekonomi Islam yang boleh memberikan impak jangka panjang kepada masyarakat (Wan Suraya, 2017). Namun, kelemahan dalam pengurusan institusi berkaitan sering menyebabkan aset wakaf tidak dimanfaatkan secara optimum. Pengurusan institusi wakaf perlu diperkukuhkan dengan penggunaan teknologi moden seperti blockchain, yang dapat meningkatkan ketelusan dalam transaksi wakaf dan memastikan aset diuruskan dengan baik tanpa risiko penyelewengan. Selain itu, perlu diwujudkan tabung pelaburan wakaf bagi menjana pendapatan berterusan yang boleh digunakan untuk manfaat masyarakat seperti pembinaan sekolah dan hospital. Dari sudut hibah pula, prosedur perlu dipermudahkan dengan menyediakan garis panduan yang jelas tentang dokumentasi dan pelaksanaan hibah agar lebih ramai umat Islam dapat menggunakannya tanpa kekeliruan. Institusi perundangan Islam juga harus memainkan peranan lebih aktif dalam melindungi hak penerima hibah serta mengelakkan sebarang penyalahgunaan dalam pemberian harta ini. Dengan sistem pengurusan yang lebih sistematik dan telus, wakaf dan hibah dapat berfungsi dengan lebih efektif dalam menyokong pembangunan masyarakat Islam.

Ketiga, menggalakkan penggunaan instrumen moden dalam pemberian harta. Teknologi kewangan Islam atau Islamic FinTech boleh memainkan peranan penting dalam memudahkan masyarakat melaksanakan mekanisme pemberian harta secara lebih efisien dan telus. Pembangunan platform digital untuk zakat dan wakaf boleh diperkenalkan dalam bentuk aplikasi yang membolehkan umat Islam membayar zakat, fidyah, dan wakaf secara atas talian dengan lebih mudah. Selain itu, penggunaan smart contracts dalam transaksi wakaf dapat memastikan bahawa aset wakaf digunakan mengikut ketetapan pewakaf, tanpa risiko penyalahgunaan. Untuk infaq dan sedekah, sistem crowdfunding Islamik boleh diwujudkan bagi mengumpulkan dana bagi projek kebajikan secara lebih sistematik, di mana penderma

dapat melihat ke mana dana mereka disalurkan dengan lebih jelas. Selain itu, platform e-Sedekah boleh dibangunkan untuk memudahkan transaksi sedekah secara atas talian, membolehkan lebih ramai umat Islam menyalurkan sumbangan mereka secara cepat dan selamat. Dengan integrasi teknologi moden dalam sistem pemberian harta, lebih ramai individu dapat terlibat dalam amalan kebajikan dan memastikan pengagihan harta dilakukan dengan lebih efektif dan telus (Mohd Yusof et al., 2024).

Ketiga, reformasi undang-undang berkaitan pemberian harta Islam. Bagi memastikan mekanisme pemberian harta Islam dapat berfungsi dengan lebih cekap dan memenuhi keperluan masyarakat moden, reformasi undang-undang yang lebih jelas dan komprehensif perlu dilaksanakan. Undang-undang wakaf dan hibah perlu diselaraskan agar proses pewartaan harta wakaf dapat dipercepatkan dan birokrasi dalam penyerahan hibah dapat dikurangkan. Selain itu, perlindungan hak penerima hibah dan wasiat juga perlu diperketatkan melalui peraturan yang lebih jelas bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan, seperti individu yang cuba membolot harta melalui manipulasi undang-undang. Mahkamah syariah perlu diberikan peranan yang lebih luas dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan pemberian harta agar keadilan dapat dicapai tanpa melanggar prinsip Islam. Dengan reformasi undang-undang yang lebih progresif, mekanisme pemberian harta Islam dapat berfungsi dengan lebih sistematik dan selari dengan keperluan semasa, memastikan keseimbangan antara hak pemilik harta dan kepentingan penerima.

Kesimpulan

Mekanisme pemberian harta dalam Islam merupakan satu sistem yang menyeluruh dan strategik dalam mencapai keadilan sosial dan keseimbangan ekonomi. Instrumen seperti zakat, infaq, sedekah, wakaf, hibah, wasiat, fidyah, kafarah, dan qard hasan bukan sahaja berfungsi untuk membantu golongan yang memerlukan, tetapi juga menyokong pembangunan masyarakat secara berterusan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih berdepan pelbagai cabaran seperti tahap kesedaran yang rendah, kelemahan institusi pengurusan, serta isu undang-undang dan penggunaan teknologi yang terhad.

Bagi memperkasakan sistem ini, langkah strategik seperti meningkatkan pendidikan dan kesedaran, reformasi undang-undang, serta penerapan teknologi moden seperti blockchain perlu dilaksanakan. Dengan pelaksanaan yang cekap dan komitmen dari semua pihak termasuk masyarakat, institusi Islam, dan pihak berkuasa, mekanisme pemberian harta ini berpotensi menjadi alat yang berkesan dalam membentuk masyarakat yang adil, harmoni, dan makmur selaras dengan maqasid syariah.

Rujukan

- Ahmad, M. R., & Hassan, R. (2020). The role of Islamic legal documents in managing charitable wealth distribution. *Journal of Islamic Studies*, 31(2), 145–162.
- Ahmad, S., & Hassan, N. (2020). The potential role of hibah and waqf in Islamic wealth distribution and sustainable economic development. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 11(2), 45–59
- Al-Ghazali. (1997). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* (Vol. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2000). *Fiqh al-Zakat: Dirasah Muqaranah li Ahkamihi wa-Falsafatihi fi Dau' al-Qur'an wa-al-Sunnah* (Vol. 1). Cairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Zuhayli, W. (2006). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 4). Damascus: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah. (1992). *Al-Mughni* (Vol. 5). Beirut: Dar al-Fikr.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Ishak, M. S., Halim, A., & Rahman, A. (2019). Challenges in implementing waqf and hibah in Malaysia: Legal and administrative perspectives. *International Journal of Islamic Management and Business*, 4(1), 88–102.
- Ishak, M. S., Yusoff, M. Z., & Aziz, A. (2019). Wealth distribution instruments in Islam: An analysis of zakat, waqf and hibah practices. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 2(1), 34–48.
- Jalal, S., & Che Abdullah, A. S. (2023). Challenges of collecting zakat on digital assets: A case study of selected states Kuala Lumpur, Selangor, and Perlis. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 20(2), 49–63. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v20i2.545>
- Jusoh, R., & Mat, H. (2024). Faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji di malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 14(1), 67–87. <https://doi.org/10.53840/jmm.v14i1.190>
- Khairi, K. F., Ahmad, A., Laili, N. H., Sabri, H., & Shaari, R. (2022). Kontrak pintar dalam transaksi kutipan zakat melalui pembangunan sistem demo backend platform blockchain di MAIWP-PPZ. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 3(1), 103–124. <https://doi.org/10.51377/azjaf.v3i1.96>
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L. B., & Johari, N. (2017). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*, 2017(ICoMM), 43–51.
- Mohamed, N. A., Saufi, S., Abdul Ghani, H., & Muhammad Saleh, M. (2022). *Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baharu Pembangunan Ummah Secara Mampan*.
- Mohd Arif, M. I. A., Adenan, F., & Moidin, S. (2023). Analisis perundangan terhadap pelaksanaan akad hibah amanah dalam industri kewangan Islam di Malaysia. *Akademika*, 93(3), 197–211. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-15>
- Mohd, A. M., Yaacob, M. Y., & Salleh, M. F. (2021). Awareness and understanding of Islamic wealth distribution instruments among Malaysian Muslims. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 18(1), 73–85.
- Mohd, S., Rahman, F., & Latif, N. A. (2021). The role of Islamic inheritance and wealth transfer mechanisms in achieving social justice. *Journal of Contemporary Islamic Research*, 13(3), 77–95.
- Mohd Yusof, Z. A., Ab Rahman, A., & Syed Shamsuddin, S. S. (2024). Analisis Literatur Secara Sistematis Pendekatan Pengurusan Zakat Dalam Usaha Membasmi Kemiskinan Pasca Pandemik. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1), 167–185.

- <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no1.578>
- Nazeri, A. N. N., & Mohd Nor, S. (2023). The implementation of blockchain technology in the zakat management system: A conceptual research. *Journal of Information Systems and Digital Technologies*, 5(2), 287–300. <https://doi.org/10.33102/jisdt.v5i2.419>
- Nuradi, Nurul Huda, & Husnul Khatimah. (2024). Inovasi Wakaf di Era Digital dalam Mengoptimalkan Potensi untuk Pembangunan Berkelanjutan di Negeri Berkembang. *El-Mal: Jurnal Kajian Ekonomi & Bisnis Islam*, 5(6), 3546–3559. <https://doi.org/10.47467/elmal.v5i6.2773>
- Rahman, H. A., & Ismail, R. (2022). *The effectiveness of waqf asset management in Malaysia: Issues and solutions. Malaysian Journal of Shariah and Law*, 10(1), 25–41.
- Rahman, H. A., & Ismail, R. (2022). *The effectiveness of waqf asset management in Malaysia: Issues and solutions. Malaysian Journal of Shariah and Law*, 10(1), 25–41.
- Rahman, N. H., & Ismail, M. F. (2022). Legal and administrative challenges in the implementation of Islamic wealth management mechanisms in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10(1), 101–118.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., Noor, S., Puri, N., Bharu, K., Kelantan, M., & Saufi, S. (2021). Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap institusi pengurusan wakaf di malaysia. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*. <http://almimbar.kuis.edu.my>
- Saufi, S., Tuan Noor, T. M. S., & Abu Hasan Shaari, M. A. (2021). Faktor-Faktor Yang Boleh Mempengaruhi Kejayaan Usahawan di Kalangan Asnaf di Malaysia : Satu Tinjauan Literatur. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 1(2), 61–67.
- Wan Suraya, W. H. S. A. S. S. W. S. S. U. S. M. Z. R. M. (2017). *Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 : Tinjauan Pelaksanaan Penamaan Dan Hibah Ke Atas Syarikat MAA Takaful Sdn Bhd. January 2018*.
- Yakob, S., Fahrizal, A., & Muhammad, A. (2021). Hubungan Antara Literasi Kewangan Dan Prestasi Perusahaan Kecil Dan Sederhana : Dimensi Pengurusan Kewangan Dan Literasi. *International Journal of Muamalat*, 5(1), 55–75. https://ijm.unishams.edu.my/images/pdf_file/vol_5_dec2021/IJM_2021_eISSN_5.pdf
- Zaki, A., Mushtaq, A., Hamdard, U., & Mokhal, M. N. (2022). Waqf management through fintech in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*, 11(2), 34–47. <https://journals.iium.edu.my/iiibf-journal/index.php/jif/article/view/829>